

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2015

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa sebabnya walaupun 'mee kuning' telah diklasifikasi sebagai bahan zero-rated untuk GST tetapi "kolok mee" masih dikenakan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menetapkan melalui Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, semua jenis *noodles*

adalah berkadar *standard* melainkan mee kuning sahaja berkadar sifar. Penetapan barang yang dikenakan GST adalah berdasarkan kepada tahap penggunaan sesuatu barang di seluruh Malaysia. Mee kuning merupakan barang makanan yang digunakan oleh majoriti rakyat Malaysia. Selain itu, mee kering seperti 'mee kolok' adalah berkadar *standard* kerana ianya telah melalui satu proses dan mempunyai kod tariff yang berlainan.